



FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

BIL 01 DIS - MEI 2000

ISSN : 1511-7472

UNTUK EDARAN DALAMAN

Bahasa Melayu

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum : Relevannya dengan IPTA

A. Aziz Deraman

Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari

Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri

Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam

Mohd Nor Mamat

Anda dan Pembacaan

Zohra Ibrahim

Kumpulan Pendesak/Seminat

Posiah Mohd Isa

Bahasa Inggeris

The Changing Role of the Secretarial Profession

Halifah Abdul Rahman

An Insight Into the Global Market Penetration by

A Malaysian Construction Firm :

Evaluation of the Construction Industry in International Markets

Noraliza Haji Basrah

KOSMOLOGI KEILMUAN PADA MILENIUM SIBER

Motivasi & Pemantapan Akademik

Teknik Peperiksaan

Habibah Lehar

Getting Ready for A Basic Accounting Examination!

Khashi'ah Yusof

Mendengar dan Menggalakkan Manusia Bercakap

Darussalam Abu Bakar

FAKULTAS

JURNAL KOLEJ CEMPAKA KENANGA

“ KOSMOLOGI KEILMUAN PADA MILENIUM SIBER ”

© **Kolej Cempaka Kenanga**
Universiti Teknologi Mara Shah Alam

Cetakan Pertama, Mei 2000

Hakcipta adalah terpelihara. Mana-mana artikel atau isi kandungan jurnal ini tidak boleh diterbitkan semula ataupun disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada pihak penerbit.

Semua artikel adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya dan tidak semestinya merupakan pandangan pihak penerbit.

Susun Atur Teks: Times New Roman
Saiz Huruf: 11 poin
Rekabentuk Kulit: Mohd Nor Mamat

ISSN: 1511-7472

Diterbitkan oleh:
Kolej Cempaka Kenanga
Universiti Teknologi Mara
40450 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
E-mail : fakultas@hotmail.com

Dicetak oleh:
Univision Press Sdn Bhd (473080-W)
Taman Samudra, Bt Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel: 03-6892679/3386 Fax:03-6871053
E-mail : unvision@tm.net.my

SENARAI PENYUMBANG

1. Tuan Haji A. Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob
Dekan
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
3. En Saidina Omar Samsuri
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
4. Us. Mohd. Nor Mamat
Pusat Pendidikan Islam UiTM
5. Dr. Zohra Ibrahim
Fakulti Pengajian Maklumat UiTM
6. Dr. Posiah Isa
Fakulti Pentadbiran & Undang-Undang UiTM
7. Cik Halifah Abd. Rahman
Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat UiTM
8. Cik Noraliza Hj. Basrah
Fakulti Sains Perancangan dan Ukur UiTM
9. Pn Habibah Lehar
Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM
10. Pn Khashi'ah Yusof
Fakulti Perakaunan UiTM
11. En. Darussalam Abu Bakar
Ketua Kursus Penyiaran
Fakulti Sebaran Am UiTM

LEMBAGA EDITORIAL

Penaung

Datuk Prof Ir. Dr Haji
Ahmad Zaidee Laidin

Penasihat Khas

Prof Madya
Dr Yaacob Yusof

Penasihat

Cik Noraliza Basrah

Koordinator

Us Mohd Nor Mamat

Ex Officio

Rafidah Abdul Aziz

Ketua Editor

Haslina Abu Samad

Pen Ketua Editor

Haniza Othman

Editor

Ellyna Yusof

Liza Imelia M.Sulanah

Sh Radhiah Said Alwi

Siti Raudhah Shaari

Nazathul Shima Azizi

Azimah Kassim

Zatul Iffah Adbul Halil

Tn Noraiham Tn Yasin

Suriati Abd Shukor

PurnamaSari Sahnawi

Istiqamah Subuki

Hazilah Mat Isa

ISI KANDUNGAN

Aspek Kebudayaan dan Perpaduan Kaum Relevannya dengan IPTA: Satu Analisis <i>Tuan Haji A. Aziz Deraman</i>	1
Maklumat (IT) dalam Pendidikan Sekolah Bestari <i>Profesor Madya Dr Raja Abdullah Yaacob & Saidina Omar Samsuri</i>	25
Hakcipta Intelektual Era Digital Menurut Islam <i>Mohd Nor Mamat</i>	35
Anda dan Pembacaan <i>Dr Zohra Ibrahim</i>	49
Kumpulan Pendesak/Seminat <i>Dr Posiah Mohd Isa</i>	57
The Changing Role of the Secretarial Profession <i>Halifah Abdul Rahman</i>	67
An Insight Into the Global Market Penetration by A Malaysian Construction Firm: Evaluation of the Construction Industry in International Markets <i>Noraliza Basrah</i>	75
Teknik Peperiksaan <i>Habibah Lehar</i>	95
Getting Ready for A Basic Accounting Exam!	101
Mendengar & Menggalakkan Manusia Bercakap <i>Darussalam Abu Bakar</i>	111
<i>Jemputan Penulisan Artikel Jurnal Bil 02 Jun-Dis 2000</i>	119

HAKCIPTA INTELEKTUAL ERA DIGITAL MENURUT ISLAM

Mohd Nor Mamat

Pengenalan

Dalam era digital hari ini, maklumat wujud di mana-mana, boleh diakses pada bila-bila masa oleh sesiapa sahaja. Sudah tentulah isu hakcipta merupakan agenda utama dalam perbincangan profesional maklumat. Ia adalah suatu isu yang memerlukan huraian yang jelas tentang hak dan kedudukan maklumat dan pemilikinya.

Menyedari cabaran yang terpaksa dihadapi meskipun dalam apa jua situasi, maka dirasakan perlunya masyarakat kita sebagai umat Islam memahami aspek-aspek berikut menurut pandangan Islam. Adalah terlalu ganjil, sekiranya dalam menghadapi cabaran daripada tamadun anti-Islam, kita sama-sama hanyut dalam kegilaan untuk menangani permasalahan ini, sedangkan dalam masa yang sama unsur pengajaran daripada tamadun Islam disisihkan. Apakah pandangan serta kedudukan isu sebegini, dipandang daripada sudut Islam?

Ayat al-Qur'an yang pertama diturunkan menegaskan betapa konsep maklumat dan ilmu merupakan agenda utama yang terkandung dalam kesyumulan agama Islam. Dalam sejarah tamadun Islam juga membuktikan, pengurusan maklumat telah mendahului zaman di mana Sayyidina Uthman bertanggungjawab sebagai tokoh terulung dalam mengasaskan sistem pengurusan maklumat yang kemas dan sistematik. Menerusi usaha beliau, maklumat yang dikumpulkan dan diedarkan mampu diakses oleh seluruh umat dengan kualiti kandungan maklumatnya yang tepat dan berautoritatif. Peranan perpustakaan sebagai gedung maklumat dan pusat

ilmu juga mulai dipelopori oleh umat Islam, di mana terdapat beratus-ratus perpustakaan awam dan persendirian yang besar diasaskan oleh tokoh-tokoh ulama Islam sejak awal abad ke-8M. Dalam konteks era maklumat hari ini, Islam memandang sebagai tidak lebih daripada suatu revolusi teknologi yang dikembangkan daripada tamadun Islam malah pada hakikatnya, tamadun Islam bukanlah terhenti setakat ledakan maklumat tetapi telahpun mencapai hierarki yang lebih tinggi iaitu ledakan ilmu (*knowledge exposure*) seperti ilmu matematik, astronomi, perubatan dan sebagainya pada puncak kegemilangannya dahulu.

Di sini, sejarah telah membuktikan barat hanyalah mencedok formula Islam dalam pengurusan dan pengajian maklumat ini selepas berlaku Perang Salib dan penjajahan kolonial. Menyedari hakikat ini, adalah wajar bagi kita meninjau sudut pandangan Islam dalam membincangkan isu-isu yang timbul dalam bidang ini memandangkan pelopornya juga merupakan tokoh-tokoh Islam, terutama dalam soal yang pastinya berkaitan dengan hukum syarak.

Isu Hakcipta Dalam Era Digital

Pelbagai isu muncul apabila tercetusnya alaf baru ini, bersama-sama dengan keghairahan manusia melibatkan diri mereka dalam kemajuan maklumat tersebut. Isu hakcipta dibincangkan semula dari masa ke semasa, selepas berlaku era perubahan daripada penerbitan kertas sebelum ini kepada bentuk penerbitan elektronik. Hakcipta biasanya didefinisikan sebagai suatu kod perundangan yang melindungi hakmilik dan kepunyaan asli seseorang penerbit sama ada material fizikal ataupun intelektual.

Mengikuti takrif Mac Caulay ketika membahaskan usul hakcipta Sarjan Talfourd di *House of Common* (1841) :

*"The principle of copyright is this. It is a tax on readers for the purpose of giving a bounty to writers. The tax is an exceedingly bad one; it is a tax on one of the most innocent and most salutary of human pleasure; and never let us forget that a tax on innocent pleasures is a premium on vicious pleasures."*¹

Persoalan hakcipta ini menjadi suatu agenda penting dalam konteks era digital dan multimedia hari ini. Pemilikan intelektual hari ini menjadi lebih sukar apabila hakcipta melibatkan media elektronik mula menjadi perbincangan umum. Dan apakah pula komentar Islam dalam menangani isu hakcipta dalam era hari ini?

Ada banyak faktor yang memaksa kod hakcipta dipertahankan apatah lagi dalam era ledakan maklumat seperti hari ini. Antaranya ialah :

1. Autoriti hakmilik asal penerbit dan nilai intelektual perlu dipelihara untuk memastikan pengiktirafan terhadap hasil usaha penerbit. Dengan adanya pengiktirafan ini, menggalakkan lagi percambahan maklumat di kalangan ilmuan dan masyarakat bermaklumat.
2. Faedah keuntungan dan pulangan balik sesuatu penerbitan yang digunakan oleh orang ramai dapat dikenalpasti serta disalurkan kepada penerbit dengan jelas.
3. Juga untuk mengelakkan pengeksploitasian sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dalam mencari keuntungan secara tidak sah.

¹ Lihat Ida Madiha 1996. *Security and Legal Issues in Effecting Multimedia Digital Libraries*, hlm. 4.

4. Senario sumber ekonomi semasa yang berasaskan maklumat lebih mendesak agar hakcipta material intelektual dipertahankan. Ini adalah untuk memastikan manusia yang rakus dalam mengambil hak keuntungan orang lain dapat dikurangkan.

Bentuk Aplikasi Hakcipta Dalam Era Digital

Perkembangan teknologi maklumat yang telah berubah paradigmanya daripada bentuk tradisional kepada teknologi siber menyaksikan aplikasi hakcipta juga turut berganjak. Philips (1996) pernah menyuarakan kekusarannya tentang perkara ini sebagai :

"There is, however, one major difference between the world of physical property and that of intellectual property. In the former there is recognition of environmental interest which, however imperfectly they are respected, exceed and transcend the interests of property owning individuals. In the latter there is no such recognition. As a result, the great and noble resource known as the public domain is under a variety of threats and has no one to protect it. Two international bodies currently exercise a vibrantly active of stewardship over intellectual property rights; the World Intellectual Property Organization and the World Trade Organization. Yet in each of these great ships of international intellectual estate it is the intellectual property rights owners whose hands have firmly grasped the tiller and its is towards the safe, protective haven of private security that they are steered."

Persoalan tentang keaslian terbitan sesuatu material dalam era multimedia ini juga merupakan isu yang perlu dibangkitkan dalam menentukan bentuk aplikasi yang digunakan. Keasliannya kadangkala diragui atas alasan mudah diterbitkan semula, dimanipulasi dan digubah semula. Dalam dunia yang mementingkan setiap bentuk maklumat, apakah wajar sekiranya dihadkan penerbit berautoriti sahaja yang boleh menerbitkan dan mengedarkannya? Dan siapakah yang merupakan penerbit berautoriti yang sebenar dan asal? Yang pastinya, bentuk hakcipta dalam era ini perlu berganjak ke arah suatu paradigma baru yang menggunakan mekanisme canggih terutama untuk mengesan pencerobohan 'siber' serta menentukan autoriti sesuatu terbitan.

Amalan Akta Hakcipta 1987 contohnya adalah untuk melindungi hakmilik material yang berbentuk fizikal dan intelektual seseorang. Ini termasuklah menerbitkan semula, mempersembahkan, memainkan, menyiarkan, menyalurkan melalui kabel ataupun tanpa kabel, atau mengedarkan salinan untuk tujuan jualan umum, sewaan dan pinjaman.

Manakala bentuk material yang dilindungi termasuklah hasil karya, seni, muzik, drama, pantomim, grafik, foto, skulptur, gambar bergerak, audio visual, rekod suara dan sebagainya. Persoalannya, apakah maklumat atau idea kepakaran asal dilindungi? Atau bentuk penerbitan idea dan maklumat itu sahaja yang diberi perlindungan?

Contoh yang terbaik di sini adalah kes antara *Elanco lwn Mandops* 1979² di mana mahkamah mengiktiraf hakcipta ke atas idea asal, meskipun ia bukannya salinan ataupun tiruan. Maklumat asal yang dimiliki oleh *Elanco* diberi pengiktirafan dengan menyaman *Mandops* kerana menggunakan sumber

²Lihat Ida Madieha 1996, hlm. 11-13.

maklumat asal *Elanco*. Dan jika ditinjau, dalam kes yang berlaku dalam alaf tradisional, mahkamah dengan jelas pernah menolak perlindungan terhadap maklumat atau teori-teori yang diterbitkan (Rujuk kes *Baker Iwn Selden* 1880).³ Ini memaparkan kepada kita betapa aplikasi ini telah berubah bentuk dan paradigmanya mengikut peredaran teknologi maklumat.

Isu Hakcipta Menurut Perspektif Islam

Islam amat memandang berat isu hakmilik dan pemilikan hakcipta sebagai pengiktirafan hasil kerja dan usaha seseorang. Islam telah menggariskan beberapa panduan yang jelas dalam isu pemilikan harta. Sejarah Islam telah membuktikan bahawa material intelektual diberi kedudukan yang tinggi dan pengiktirafan yang mutlak kepada empunya. Meskipun ilmu dan maklumat dalam Islam tidak pernah didakwa dipunyai oleh sesiapa, namun usaha pengkajian dan pandangan hakmilik tokoh-tokoh serta sarjana Islam diakui oleh umum. Sayyidina Uthman apabila mula menjalankan kerja-kerja penulisan semula al-Qur'an, terlebih dahulu mendapatkan izin daripada Siti Hafsa, puteri Sayyidina Umar yang menjaga bahan-bahan ayat yang dikumpulkan. Ketika zaman kegemilangan Islam di mana ilmu bercambah dengan pesat di seluruh pelusuk empayar Islam, hakmilik ilmu dan maklumat penulisan sarjana-sarjana ketika itu seperti Al - Khawarizmi, Ibnu Sina dan lain-lainnya diiktiraf oleh umum dan khalifah. Khalifah akan meminta izin pemiliknya terlebih dahulu sekiranya perlu ditiru atau disalin kepada salinan-salinan lain untuk diedarkan. Berhujahkan kepada senario inilah, dirasakan perundangan hakcipta amat selari dengan tuntutan Islam dalam memelihara hakmilik

³ OP. CIT, HLM. 11.3

seseorang. Namun persoalannya, apakah Islam melindungi hakcipta idea dan maklumat asal, ataupun kitab dan bentuk penerbitannya?

Beberapa Hukum Serta Perspektif Sarjana Islam

Sebagaimana yang kita maklumi, konteks hakcipta maklumat dan bahan intelektual hari ini adalah suatu isu baru di kalangan umat Islam. Ia baru dibincangkan dengan hangat oleh sarjana-sarjana Islam memandangkan ia agak berbeza daripada isu-isu hakcipta dan pemilikan harta yang lain. Pemilikan harta dan hakcipta secara jelasnya merujuk kepada material yang berbentuk fizikal sahaja, namun dalam soal hakcipta maklumat dalam era hari ini memerlukan pandangan dan ijtihad baru di kalangan sarjana Islam. Ini memandangkan kepada bentuk maklumat yang didefinisikan oleh Prof. Robert Stueart (1997) sebagai material yang tiada jisim, tidak boleh disentuh, tidak berkurangan, tidak boleh diukur atau disukat, tidak boleh dimusnahkan dan tidak boleh dipindahkan. Nilai maklumat itu pula berubah mengikut konteks kegunaan dan keperluan pengguna. Persepsi sebegini menyukarkan kita dalam menentukan hukum kepada isu hakcipta ini. Sebagai contoh Az - Zuhailiyy (1988), seorang sarjana Islam yang terkemuka mengklasifikasikan pemilikan harta dan hakcipta berkisar kepada material yang berjisim sahaja. Beliau tidak menyentuh secara langsung isu hakcipta intelektual dalam era siber dan multimedia ini.

Merujuk kepada beberapa sarjana Islam tempatan, hukum hakcipta dalam era maklumat hari ini boleh dikiaskan daripada hukum hakcipta material lain, juga berpandukan kepada pengiktirafan yang diberikan kepada idea dan pengkajian ulama silam oleh pemerintahan Islam. Atas alasan menghormati pemilik asal serta aspek-aspek sumber ekonomi,

dirasakan hakcipta intelektual ini suatu keperluan dalam Islam. Ini berasaskan kepada beberapa prasyarat yang pernah digariskan oleh ulama silam, seperti:

1. Material tersebut mempunyai nilai yang tinggi. Had nilai tersebut ditentukan oleh pihak pemerintah bagi sesebuah negara Islam.
2. Ia dilindungi dan dijaga dengan selamat, mengikut keadaan yang paling sesuai untuknya. Sekiranya harta fizikal, disimpan dengan berkunci atau sekiranya berbentuk intelektual, cara perlindungannya adalah yang sesuai dengannya.
3. Diketahui oleh orang lain yang mengatakan material tersebut adalah miliknya.
4. Dan ia mestilah benar-benar terbukti serta diyakini hakmiliknya.
5. Ulama silam menggariskan pemilikan material ketika itu sebagai material yang berjisim (*zatiyyah*) tetapi ini boleh dikiaskan kepada maklumat dan ilmu memandangkan ia merupakan sesuatu yang begitu berharga pada masa ini.⁴

Oleh itu, kembali kepada konsep pemilikan dalam Islam, perlindungan hakcipta dianggap sah dan tidak boleh dicerobohi apabila memenuhi prasyarat di atas, lebih-lebih lagi ia merupakan material yang bernilai tinggi.

Persoalan yang dibangkitkan di sini, di mana kedudukan sebenarnya hakcipta dalam Islam? Apa yang nyata, Islam mengiktiraf hakmilik seseorang itu sekiranya benar-benar terbukti miliknya serta ia dilindungi dengan selamat. Maklumat atau material intelektual yang diterbitkan tetapi

⁴ Sarjana Islam yang agak mutakhir seperti Az - Zuhailiyy dalam kitabnya *Al - Fiqh Al - Islamiyy Wa Adillatuhu* menyebut pencerobohan dalam bentuk mencuri pandang atau dengar sesuatu perkara yang menjadi milik orang lain diklasifikasikan sebagai mencuri di bawah hukuman hudud.

tidak dijaga oleh pemiliknya tidak diberi status hakcipta. Untuk itu ada dua kategori milik di sini iaitu:

1. Kategori Maklumat Yang Dianggap Untuk Umum (Wakaf)
2. Kategori Maklumat Yang Dilindungi

Kategori pertama seperti maklumat dalam khutbah, ceramah dan sebagainya yang tidak mempunyai usaha untuk dilindungi sebagai hak peribadi dianggap hak milik umum. Ini memandangkan ilmu dalam Islam pada dasarnya adalah hak milik umum. Jadi, ia tidak dianggap sebagai hak milik dan tidak diberi perlindungan hakcipta.

Berbeza dengan kategori kedua, ilmu atau maklumat yang diterbitkan berbentuk peribadi dan diakui sebagai hakmilik peribadi atas alasan-alasan tertentu, ditambah pula dengan adanya usaha ke arah melindungi hakcipta tersebut. Usaha mendaftarkan material tersebut sebagai hakmiliknya, atau mengumumkan kepada orang ramai tentang hakmiliknya itu adalah antara contoh langkah untuk melindungi hakciptanya. Di sini, nilai idea atau maklumat tersebut merupakan hakcipta penerbit dan pencerobohan dikira sebagai kesalahan mencuri, yang boleh didakwa serta dijatuhkan hukuman hudud jika disabitkan.

Dalam konteks ini, amalan Akta Hakcipta 1987 menjelaskan beberapa perkara yang dilindungi di bawah akta hakcipta dengan meletakkan beberapa syarat seperti kelayakan empunya, kesahihan dan keaslian material serta lain-lainnya. Ini dilihat selari dengan apa yang ditetapkan oleh Islam. Namun, dalam soal perlindungan hakcipta semasa, Bahagian II Fasal 7 (2) menyebut :

Karya-karya adalah dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan karya-karya itu dihasilkan.⁵

Klausa ini sudah tentu tidak menepati garis panduan Islam yang amat mementingkan objektif sesuatu amalan dan nilai kualitinya. Tambahan lagi, akta semasa hari ini memberikan status hakcipta secara automatik.⁶ Ini seolah-olah tidak menggambarkan adanya usaha untuk membezakan antara maklumat hakmilik umum dengan apa yang dianggap sebagai hakmilik peribadi yang seharusnya diberi status hakcipta. Apabila situasi sebegini boleh mengelirukan orang ramai dalam mengenalpasti antara dua kategori maklumat itu tadi, maka hukum akan kembali kepada yang asal iaitu ilmu, maklumat atau idea adalah bukan milik sesiapa secara khusus. Apakah teks khutbah Jumaat di masjid-masjid harus dianggap sesuatu yang dilindungi di bawah hakcipta? Apakah maklumat ilmu agama dalam usaha menyampaikan dakwah seperti ceramah-ceramah agama, lagu-lagu tilawah Al Quran dan sebagainya juga perlu mempunyai hakcipta?. Andainya ia secara automatik dilindungi, barangkali hanya Rasulullah seorang sahaja yang layak menyampaikan ilmu dan maklumat agama. Untuk itu, Islam memandang perlunya ada suatu usaha melindungi hakcipta tersebut yang boleh membezakan antara maklumat dan ilmu milik umum dengan milik peribadi secara sah.

Dalam era siber hari ini, isu hakcipta ini sebenarnya lebih kompleks. Kewujudan era maklumat yang meledak dengan pelbagai jaringan komunikasi menyebabkan perlunya difikirkan suatu rumusan baru yang boleh melindungi hak di samping memelihara kehormatan maklumat sebagai sumber ilmu. Atas alasan inilah, pihak kerajaan menyedari

⁵ *Akta Hakcipta 1987*. Akta 332, hlm.104.

⁶ Lihat Rohazar Wati Zuallocobley, hlm. 13.

kepentingan huraian perundangan seperti Akta Jenayah Komputer 1997, Bil Tandatangani Digital 1997, Akta Tele-Perubatan 1997, serta kemudiannya menyediakan Akta Multimedia dan Perlindungan Data. Semua ini dipandang penting oleh Islam memandangkan situasi kepentingan maklumat hari ini mendesak agar ia diberi perlindungan yang sewajarnya, apatah lagi dalam keadaan teknologi jaringan maklumat yang boleh mengakses maklumat di mana-mana dan pada bila-bila masa.

Apa yang boleh dilihat, undang-undang siber yang diperkenalkan nampaknya lebih menepati dengan apa yang dianjurkan oleh Islam. Contohnya, dalam Akta Tele-Perubatan menetapkan pendaftaran rasmi sebagai syarat untuk diberi perlindungan hakcipta. Aspek nilai keuntungan yang menjadi prasyarat utama dalam agenda menentukan kesalahan dalam akta hakcipta hari ini juga merupakan suatu perkara yang menepati ajaran Islam. Maklumat atau idea yang dimanipulasi oleh orang lain dengan tujuan untuk mencuri keuntungan adalah tertakluk di bawah kod jenayah mencuri. Akta hari ini menggariskan bentuk aktiviti meniru atau menyalin yang dianggap pencerobohan hakcipta sebagai berikut:⁷

1. Untuk tujuan jualan, sewaan, pinjaman dan sebagainya.
2. Untuk tujuan pemilikan dan pendedaran, kecuali atas alasan kegunaan peribadi ("*fair use*") seperti pengajaran dan pembelajaran.
3. Untuk pameran umum, dengan meraih keuntungan peribadi.
4. Untuk diubahsuai atau ditokok tambah, seperti yang berlaku dalam bentuk jaringan dalam talian elektronik.

⁷ *Copyright Act 1987. Act 332, hlm. 141-143.*

5. Dan lain-lain bentuk aktiviti untuk mendapatkan keuntungan bagi pihak tertentu yang bukan kepunyaan penerbit asal, atau tanpa izimnya.

Ternyata Islam tidak menolak usul hakcipta yang ada sekarang, meskipun diusulkan oleh pihak barat. Pun begitu, terdapat sedikit sebanyak saranan dan pengubahsuaian yang seharusnya diberi perhatian oleh kita umat Islam dalam memantapkan lagi perundangan semasa, di samping melaksanakan usaha yang selaras dengan tuntutan agama.

Kesimpulan

Sebagai rumusan untuk perbincangan ini, disarankan di sini beberapa langkah menurut perspektif Islam yang dirasakan mampu menangani permasalahan ini, antaranya:

1. Islam mengajar kita bahawa asas kesedaran masyarakat adalah melalui proses pendidikan. Kempen anti cetak rompak, lindungi hakcipta dan sebagainya merupakan seolah-olah gurauan kepada masyarakat kerana dalam masa yang sama, mereka diorientasikan dengan pendidikan yang menuju ke arah kehidupan materialisme. Konsep pendidikan kita lebih menjerumuskan kepada latihan kemahiran untuk kepentingan ekonomi sebagai matlamat utama menyebabkan masyarakat kabur dengan aspek moral mereka sendiri. Akibat terlalu ghairah mengejar keuntungan ekonomi, mereka kadangkala lupa soal keagamaan yang mengajar supaya bermoral dan menghormati hak orang lain. Lantaran itu, dalam suasana seperti ini, seharusnya kita kembali kepada konsep pendidikan menurut Islam yang mengintegrasikan setiap cabang ilmu dengan nilai dan aspek keislaman. Masyarakat perlu didedahkan dengan konsep pendidikan

ke arah bermatlamatkan taqwa seperti yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w dalam mendidik sahabatnya, bukannya dengan meletakkan ekonomi sebagai matlamat utama.

2. Langkah seterusnya, adalah dengan memperketatkan perundangan yang mengawal hakcipta seseorang. Sekiranya perundangan Islam seperti hukuman hudud dan tamadun Islam silam dijadikan panduan, kemungkinan masyarakat yang terlibat dengan aktiviti sebegini akan berasa gerun untuk menghadapi hukuman yang sebegitu keras. Bersesuaian dengan konsep Syariah Islam, hukuman yang dijatuhkan bukanlah untuk mendenda pesalah semata-mata, namun lebih kepada amaran dan pengajaran kepada masyarakat yang lain. Akta yang ada hari ini menetapkan denda sebanyak RM10 000 atas kesalahan meniru sesuatu hakcipta dipandang ringan oleh mereka, lantaran keuntungan yang mereka perolehi beratus kali ganda daripada itu.
3. Langkah-langkah lain termasuklah dengan meneruskan kempen-kempen, mengurangkan kos jualan material asal agar tidak membebankan pengguna dan sebagainya perlu lebih dipergiatkan, selari dengan anjuran langkah pertama dan kedua tadi.

Ini bukanlah bermakna Islam menolak cara penyelesaian yang dijalankan hari ini, namun dirasakan dengan adanya integrasi yang merujuk kepada asas ajaran Islam lebih tepat dan efektif, sepertimana yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Mungkin belum ramai yang membincangkan isu hakcipta daripada perspektif sebegini, malah mungkin kita rasakan suatu kejanggalan apabila memperkatakan tentang isu-isu sebegini dalam nada Islam tetapi inilah hakikat yang

seharusnya kita ketahui dan laksanakan. Kegemilangan ilmu dan keharmonian negara pada puncak kejayaan kerajaan-kerajaan Islam Umaiyyah, Abbasiyyah dan Uthmaniyyah seharusnya dijadikan panduan dalam membina era maklumat digital yang beridentitikan Islam. Akhirnya, diharapkan lebih banyak perbincangan ilmiah yang berteraskan kepada pandangan agama sebegini diketengahkan berbanding dengan merujuk semata-mata kepada teori dan pandangan daripada barat. Dengan ini, kita akan lebih bersedia dengan identiti yang merdeka, menghuraikan permasalahan sendiri serta mengembalikan kegemilangan era ilmu Islam yang kita miliki suatu masa dahulu.

Bibliografi

- Az Zuhaily, Wahbah, Dr. (1988). *Al Fiqhu Al Islamiyy Wa Adillatuhu*. Jil. 4-6. Edisi ke-2. Damascus: Darul Fikr.
- Henry, Nicholas 1976. *Copyright Information Technology Public Policy*. New York: Marcel Dekker, Inc.
- Ida Madieha Abd. Ghani Azmi, Dr. (1996). "Persidangan Kebangsaan Perpustakaan Multimedia Digital: Memenuhi Keperluan Maklumat Negara Menjelang Abad 21" dlm. *Security and Legal Issues in Effecting Multimedia Digital Libraries*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Kirtley, Jane E./Daughterty, Rebecca/Reis, Leslie Ann. "World Intellectual Property Organisation: Comments on The Proposal for the Substantive Provisions of the Treaty on Intellectual Property in Respect of Databases" dlm. *The Journal of Academic Librarianship* 23:2, hlm. 134-138, Mac 1997.
- Legal Research Board 1997. *Copyright Act 1987, Act 332*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Nasri, William Z. 1976 *Crisis in Copyright*. New York: Marcel Decker, Inc.
- Rohazar Wati Zuallcoblely 1992. *Mengenal Undang-Undang Hakcipta di Malaysia*. Kuala Lumpur: Pustaka Pertiwi Sdn Bhd.